



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 7 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	KLINIK USAHAWAN AGRO GALAK PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DALAM BIDANG PERTANIAN, NASIONAL, SH-27 MAFI BERUSAHA 'MEREMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, SEMASA, KOSMO-6 CARI JALAN SELESAI ISU KESUKARAN KEMASUKAN AWAK-AWAK WARGA ASING, UTUSAN.COM-ONLINE PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, ELITE.ORG.MY-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDSUTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	ELAK KEKURANGAN BEKALAN : 200 BILIK SEJUK, PENYIMPANAN DISEDIAKAN FAMA, BERITA NASIONAL-RTM1 PERSEDIAAN MUSIM TENGGUJUH : 200 BILIK SEJUK, PENYIMPANAN DISEDIAKAN FAMA, NASIONAL 7-RTM1 FAMA SET UP 200 COLD STORAGE ROOM TO ENSURE ADEQUATE SUPPLY OF, BERITA MANDARIN- RTM2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10.	JUAL 5,000 BOTOL AIR KELAPA NIRA SEMINGGU, NASIONAL,SH-27 BUAT KUIH SEMPERIT SAMPAI TANGAN SAKIT, SEMASA, KOSMO-15 KERANI JANA PENDAPATAN RM15,000 HASIL TANAMAN CENDAWAN, UTUSAN.COM-ONLINE	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Klinik Usahawan Agro galak penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	27	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,549



Klinik Usahawan Agro galak penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian

ARAU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menganjurkan Klinik Usahawan Agro peringkat negeri Perlis untuk membantu usahawan-usahawan muda melalui penglibatan jabatan dan agensi di bawah kementerian berkenaan.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, penganjuran klinik itu juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan golongan muda dan belia menceburi bidang pertanian.

Katanya, program itu adalah sebagai persediaan dari segi ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kumpulan sasaran.

"Usaha ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka supaya dapat menjana pendapatan yang tinggi," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di sini pada Sabtu.

Menurutnya, pihak MAFI juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

"Oleh itu saya menyeru kepada anak-anak muda yang berminat dalam



Haslina (dua dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Klinik Usahawan Agro Negeri Perlis di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada Sabtu.

bidang pertanian agar merebut peluang yang ada untuk menjadi pelapis dan pemain dalam bidang pertanian di negara kita," katanya.

Haslina menambah, persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk meremajakan sektor berkenaan.

"Berdasarkan kajian golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti *internet of things* (IOT), *precision farming* dan *smart farming*."

"Penglibatan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan



Haslina (enam dari kanan) bergambar bersama usahawan yang menerima Geran Agropreneur Muda pada Majlis Perasmian Klinik Usahawan Agro Negeri Perlis di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada Sabtu.

serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan pada masa akan datang," katanya.

Katanya, setakat ini daripada 14.6 juta belia di negara ini, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian manakala kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

"Kementerian memberi fokus khusus kepada golongan muda antaranya melalui Program Agropreneur Muda

bertujuan untuk menggalakkan penglibatan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian merentas semua subsektor agromakanan.

Menurut Haslina, sehingga kini, kementerian telah berjaya membantu seramai 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu sejak tahun 2016.

"Jadi rebutlah peluang yang telah disediakan, timba ilmu agar kita berjaya di dalam setiap projek dan perniagaan yang kita ceburi," katanya.

Headline	MAFI berusaha `meremajakan` sektor pertanian		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	07 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	6	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	311 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,102
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,306



MAFI berusaha 'meremajakan' sektor pertanian

ARAU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang berusaha untuk meremajakan sektor pertanian dan menggalakkan penglibatan lebih ramai golongan bella.

Ketua Setiausahaanya, Daruk Haslina Abdul Hamid berkata, pelbagai program dirancang menerusi Dasar Agromakanan Negara 20 (DAN 20) bagi menarik golongan bella berusia antara 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian.

"Daripada 146 juta bella di Malaysia, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian.

"Kapan turut menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang akan memperkembangkan kerjaya mereka dalam bidang pertanian.

"Kesemua data ini menunjukkan persepsi para bella kepada sektor pertanian perlu diperbaiki," katanya pada sidang akh-



HASLINA menurunkan tandatangan selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro peringkat negeri Perlis semalam.

bar selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro peringkat negeri Perlis di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri

Asas Tani Perlis, Nurulhisham Yaakob dan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Profesor Ts. Dr. Zaliman Sauli.

Dalam program sama, Haslina

turut menyampaikan replika cek geran Program Agropreneur Muda 2021 kepada wakil 39 agropreneur muda Perlis bernilai RM790,000.

Seramai 266 usahawan tani di negeri itu dibantu menerusi geran sama berjumlah RM4.51 juta sejak 2016.

Untuk rekod, sejak 2016, MAFI berjaya membantu seramai 7,528 Agropreneur Muda seluruh negara dengan nilai RM134.29 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan Agropreneur Muda sejak tahun 2016.

Menurut Haslina, langkah-langkah meremajakan sektor pertanian perlu diperkasakan bagi menggalakkan penglibatan golongan muda, mengaplikasikan teknologi pertanian moden dan mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan pertanian.

"Golongan muda juga dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti Internet Of Thing, precision farming dan pertanian pintar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2021	UTUSAN.COM	ONLINE	

CARI JALAN SELESAI ISU KESUKARAN KEMASUKAN AWAK-AWAK WARGA ASING



HASLINA ABDUL HAMID (empat dari kiri) berbual bersama wakil-wakil penerima geran program Agropreneur Muda peringkat negeri Perlis di kampus Unimap Kubang Gajah, Arau, Perlis, hari ini. - UTUSAN/SYED AZLAN SAYID HIZAR

ARAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memandang serius masalah prosedur ketat pengambilan pekerja atau awak-awak warga asing yang sekali gus menjejaskan operasi nelayan laut dalam di negara ini.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, perbincangan bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia telah diadakan bagi mencari jalan terbaik menyelesaikan isu tersebut.

Katanya, isu berkenaan dijangka selesai dalam tempoh terdekat dan panduan mengenai proses kemasukan kru bot dari negara asing telah disiapkan.

Ujarnya, isu ketiadaan pekerja khususnya melibatkan warga asing sememangnya diakui memberi kesan kepada pengusaha bot ini.

“Isu kemasukan awak-awak atau kru bot nelayan laut dalam bukan sahaja melanda negara kita, malahan banyak negara lain turut terkesan akibat prosedur operasi standard (SOP) yang diperketat susulan pandemik.

“Kita turut melakukan recalibrasi bagi memastikan proses pengambilan pekerja asing dalam sektor perikanan pada masa hadapan lebih teratur daripada segi dokumentasi,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro peringkat negeri Perlis di sini hari ini.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan keresahan pengusaha bot apabila ketiadaan pekerja selain sukar mendapatkan pekerja warga asing berikutan prosedur yang ketat dalam tempoh pandemik Covid-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2021	ELITE.ORG.MY	ONLINE	

PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN



ARAU - Persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk 'meremajakan' sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid berkata berdasarkan kajian, golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti internet benda (IOT), pertanian persis dan pertanian pintar.

"Penglibatan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan, serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan, di masa akan datang," katanya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di sini, hari ini.

Haslina berkata setakat ini, daripada 14.6 juta belia di negara ini, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian, manakala kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

Beliau berkata kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda antaranya melalui Program Agropreneur Muda yang bertujuan menggalakkan penglibatan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian, merentasi semua sub-sektor agromakanan.

Haslina berkata sehingga kini, kementeriannya telah berjaya membantu seramai 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu, sejak 2016.

“Jadi rebutlah peluang yang telah disediakan, timbalah ilmu agar kita berjaya di dalam setiap projek dan perniagaan yang kita ceburi,” katanya.

Mengenai Klinik Usahawan Agro pula beliau berkata program itu diadakan untuk membantu usahawan-usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah kementeriannya, bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian.

“Program ini juga bertujuan untuk memberi persediaan dari segi ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kepada kumpulan sasar, agar mereka boleh menjana pendapatan yang tinggi,” katanya.

Haslina berkata pihaknya juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2021	RTM 1	BERITA NASIONAL	

ELAK KEKURANGAN BEKALAN : 200 BILIK SEJUK, PENYIMPANAN DISEDIAKAN FAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2021	RTM 1	NASIONAL 7	

**PERSEDIAAN MUSIM TENGGUJUH : 200 BILIK SEJUK, PENYIMPANAN
DISEDIAKAN FAMA**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2021	RTM 2	BERITA MANDARIN	

FAMA SET UP 200 COLD STORAGE ROOM TO ENSURE ADEQUATE SUPPLY OF



Pengusaha raih pendapatan berlipat ganda jualan air nira dapat permintaan

oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Pengusaha air nira kelapa di Fedda Bukit Sagu mampu meraih pendapatan berlipat ganda apabila air nira keluarannya terjual kira-kira 5,000 botol dalam tempoh seminggu.

Mohamad Nazri Ismail, 42, berkata, itu hasil jualan yang permintaan air nira kelapa akan bertambah apabila tiba bulan Ramadan.

Menurutnya, permintaan itu memberi pendapatan lumayan selepas bertali-kali perayaan dalam permintaan diusahakannya berakhir dengan kekecewaan.

"Saya mula berjinak dalam bidang menjual air nira kelapa ini pada Mac tahun lalu dan saya tidak sangka permintaannya se-

Jual 5,000 botol air nira kelapa seminggu



Mohamad Nazri memotong kelapa untuk menghasilkan air nira di Fedda Bukit Sagu pada Jumaat.

ngat meningkat.

"Dalam tempoh seminggu sahaja saya mampu menjual sebanyak 5,000 botol yang dijual pada harga RM4 sebotol," katanya ketika ditemui di Fedda Bukit

lapa menerusi YouTube.

Katanya, melalui pendedahan di platform YouTube, pasangan itu mula mencari formula yang berkesan bagi menghasilkan kualiti air nira dihasilkannya dapat memberi kepuasan kepada pelanggan.

Jelasnya, kini sebanyak 100 pokok kelapa jenis perdana telah ditanam dan sesuai untuk diaktifkan air nira.

"Saya mengahbil air nira dan pokok itu dua kali sehari iaitu sebelah pagi dan lewat petang.

"Setakat ini jumlah air nira dihasilkan mencukupi untuk dibekalkan di kedai sekitar Kuantan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohamad Nazri memberitahu, sebanyak 25 petisujuk beku yang ditempatkan di kedai minit di sekitar bandar raya ini dan setiap peti mampun memuatkan 100 botol air nira

kelapa.

Katanya, permintaan terhadap air nira juga sangat meningkat dan meningkat setiap kali bulan Ramadan kerana air nira kelapa merujuk i rasa unik serta dapat menghilangkan dahaga dengan cepat.

"Ada pelanggan dari Jerantut dan Kuala Lumpur yang selalu menempah air nira dari saya tapi kadang-kala terpaksa ditolak kerana faktor bekalan. Lagi pun saya buat seorang diri, pauffat kala isteri pula akan bantu botolkan air beku-beku sebelum disimpan di dalam peti.

"Saya turut memudahkannya dengan kedai runcit yang menjual air nira yang saya keluarkan ini dengan menyediakan peti ais selain turut membayar bil elektrik kedai mereka, jadi kami sama-sama dapat untung," katanya.

07 NOV, 2021

Buat kuih semperit sampai tangan sakit

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 1



MOHD. AZRAIE (kanan) melihat Azlina menggunakan mesin membuat kuih yang diterima daripada FAMA Pulau Pinang.

Buat kuih semperit sampai tangan sakit

SEBERANG PERAI - Memulakan perniagaan tanpa ilmu keusahawanan bukanlah mudah, namun setiap pengalaman yang diperoleh dijadikan panduan untuk mengukuhkan perniagaan bakeri yang diceburi sejak 21 tahun lalu.

Bagi Azlina Ishak, 38, minatnya dalam bidang pembuatan kek dan biskut bermula sejak di bangku sekolah lagi dan pelbagai cabaran sudah ditempuhinya.

"Pada mulanya, saya hanya bantu emak di dapur membuat biskut dan lama-kelamaan, saya sendiri semakin yakin untuk mengambil tempahan daripada rakan-rakan terdekat.

"Dahulu, media sosial masih belum ada dan promosi mulut ke mulut membuatkan ramai pelanggan mula membuat pesanan.

"Bagaimanapun, platform digital kini semakin luas sekali gus membantu melonjakkan perniagaan saya," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Jawa, Butterworth di sini semalam.

Menurut Azlina, antara pengalaman perit yang dilaluinya sebelum ini ialah apabila tan-

gan kanannya diserang masalah saraf dikenali sebagai penyakit *tennis elbow* ekoran terlalu kerap menekan acuan kuih semperit tahun lalu.

Katanya, kira-kira 20,000 biji kuih semperit yang perlu dibakar membuatkan dia terpaksa bergantung kepada steroid untuk mengurangkan kesakitan.

"Saya turut menjalani rawatan fisioterapi di Hospital Seberang Jaya selama setahun untuk kembali pulih seperti sedia kala.

"Justeru, bantuan yang diterima ini amat saya hargai kerana dapat membantu memudahkan proses penyediaan biskut pelanggan," katanya lagi.

Terdahulu, Azlina menerima bantuan peralatan bakeri bernilai RM20,000 daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) 2021.

Pengarahnya, Mohd. Azraie Ramli berkata, mesin semperit semi auto, peti sejuk beku beserta beberapa kelengkapan lain diharap dapat meningkatkan perniagaan Azlina.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2021	UTUSAN.COM	ONLINE	

KERANI JANA PENDAPATAN RM15,000 HASIL TANAMAN CENDAWAN



AZIAN Jahani menunjukkan bongkah cendawan yang diusahakan di Kampung Baru Teluk Ramunia, Pengerang, Johor. - FOTO/MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI: Seorang kerani membuktikan kesungguhan terhadap sesuatu perkara akan membawa pulangan baik apabila mampu menjana sehingga RM15,000 selepas mengusahakan tanaman bongkah cendawan yang dilaksanakan sejak tiga tahun lalu.

Azian Jahani, 35, berkata, pendapatan itu diraihnya hanya untuk tempoh semusim iaitu selama enam bulan.

Katanya, dia mengusahakan tanaman itu bermula dengan hanya 60 bongkah cendawan sebelum meningkatkan kepada 500 bongkah lagi dan kemudian menjadi 1,000 bongkah tanaman itu.

“Saya memulakan tanaman cendawan ini kerana anak saya amat gemar makan cendawan jadi ketika itu saya terus cuba-cuba dahulu.

“Selepas mengusahakan 60 bongkah saya dapati cendawan ini amat mudah diuruskan dan tidak banyak karenah seperti tanaman lain yang perlu penjagaan rapi dengan baja dan sebagainya.

“Setiap pagi sebelum masuk ke pejabat saya akan menjengah dahulu rumah cendawan untuk sejukkan bongkah dengan siraman air kemudian tinggalkan sahaja,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di kediamannya di Kampung Baru Teluk Ramunia, Pengerang, di sini.

Azian berkata, rumah cendawan yang dibina atas bantuan suami, Mohd. Syahher Redzha Malik, 35, bukan sahaja memberinya pendapatan tambahan tetapi menjadi tempat ‘terapi’ bagi dirinya selepas penat lelah bekerja.

Ibu kepada tiga orang anak itu turut memaklumkan bagi setiap bongkah mampu menghasilkan sehingga seberat satu kilogram cendawan.

Katanya bagi harga pasaran cendawan yang diperolehi pula dijual sekitar RM13 hingga RM15 sekilogram.

Selain menjual secara dalam talian, Azian turut menghantar hasil cendawannya itu di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang.

“Alhamdulillah walaupun hanya sambilan hasilnya agak lumayan dan setiap kali buka tempahan pasti ramai yang mahu.

“Selain mengeluarkan modal sendiri, saya turut dibantu pihak PPK Pengerang menerima bantuan bongkah cendawan dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Daripada mengusahakan di kawasan laman rumah kini saya juga telah membuat sebuah rumah cendawan yang boleh memuatkan sehingga 2,000 bongkah dalam satu masa,” katanya.

Jelasnya usaha dilakukan itu juga turut berjaya mengambil perhatian pihak jabatan pertanian daerah apabila dia kini dalam proses untuk menerima sijil bagi Program Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP). – UTUSAN